

09/06/1998

Kedudukan Nik Aziz dan prospek Abdul Halim

Veena Rusli

KEBELAKANGAN ini, beberapa perkembangan semasa yang menyentuh aspek pentadbiran Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar menjadi bualan warung kopi di tepi jalan. Konvensyen Umno Kelantan pada 30 Mei lalu mencuri tumpuan apabila meluluskan usul sebulat suara mendesak Nik Abdul Aziz meletak jawatan sebagai Menteri Besar.

Ibarat pelengkap, Datuk Annuar Musa selaku Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan pada satu majlis di Kuala Lukut, Port Dickson pada 1 Jun lalu, menyatakan kesediaan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman menggantikan Nik Abdul Aziz, jika beliau meletak jawatan.

Sambil melepaskan tanggungjawab mengupas isu pembekuan persembahan dikir barat kepada pencinta seni tradisional itu, pemerhati politik tangkas mencari rumusan dan kaitan di antara desakan menamatkan pentadbiran Nik Aziz dengan prospek Abdul Halim sebagai Menteri Besar.

Bagaimanapun, penyokong dan pemimpin Pas negeri sekadar tersenyum sinis mendengar usul itu sambil menyifatkannya sebagai 'lawak jenaka menjelang pilihan raya'.

Seperti dijangka, Nik Abdul Aziz bertegas mahu mengekalkan jawatannya dan berpendapat: "Boleh jadi kehadiran saya dalam (kerajaan) negeri ini menyusahkan mereka (pemimpin Umno). Semakin Umno minta saya melepaskan (jawatan Menteri Besar), semakin saya hendak terus memegangnya."

Pemerhati politik berkata, desakan Umno itu mampu dipandang remeh oleh penyokong Pas di Kelantan kerana usul berkenaan dibangkitkan oleh timbalan ketua bahagian Kubang Kerian, Datuk Ahmad Rusli Iberahim, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Salor.

Menurutnya, sebagai bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang pernah menyokong perjuangan Pas di Kelantan, kredibiliti Ahmad Rusli diragui oleh penyokong Pas.

"Bagaimanapun, usul serupa mungkin mampu menyentak keyakinan penyokong Pas sekiranya ia dicadangkan oleh 'orang Umno sejati', khususnya tokoh seperti Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir," katanya.

Tanpa menafikan keikhlasan Ahmad Rusli bersama Umno, mata penyokong Pas masih melihatnya sebagai 'bekas ahli S46' dan besar kemungkinan berada dalam senarai empat atau lima orang yang tidak dimaafkan oleh Nik Aziz kerana kini menjadi penentang kuatnya.

Sama juga halnya apabila Annuar mencanang nama Abdul Halim sebagai calon terbaik bergelar Menteri Besar dari kalangan pemimpin Pas dan lebih meyakini kemampuannya dalam mentadbir Kelantan.

Khalayak Umno dan Pas di negeri ini memaklumi sikap Abdul Halim yang jarang mahu menempatkan dirinya di tengah-tengah kontroversi dalam apa bentuk sekalipun dan hampir pasti memberi ulasan 'no comment' kepada wartawan. Abdul Halim dilihat tokoh Pas yang suka 'play safe' dalam banyak keadaan.

Sikap itu ketara dilihat setiap kali beliau disuakan soalan berhubung krisis di antara kerajaan negeri dan Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB) serta masalah pentadbiran yang melanda Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), sedikit masa dulu.

Justeru, ada yang merumuskan keadaan demikian adalah landasan yang mendorong munculnya nama Abdul Halim dari mulut Annuar - kenyataan yang kemudiannya disifatkan sebagai 'mengarut' oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan itu sendiri.

Berbeza dengan corak penerimaan penyokong Pas terhadap usul mendesak agar Nik Abdul Aziz meletak jawatan, perkhabaran kesediaan Abdul Halim menjadi Menteri Besar menimbulkan reaksi berlainan di kalangan penyokong Pas.

Ketika sebahagian besar meyakini Umno sengaja mengada-adakan cerita, ada juga segelintir pengikut Pas yang membayangkan dakwaan Annuar itu berasas dan diterima akal jika mengikut percaturan sedia ada.

Menurut pemerhati, keadaan itu adalah berikutan kononnya sikap Abdul Halim yang dimaklumi mudah dibawa berunding dan mempunyai persepsi lebih terbuka terhadap Umno berbanding pemimpin Pas negeri yang lain.

"Walaupun ada yang berkata politik Abdul Halim wajar dicurigai kerana sikapnya itu, Pas Kelantan yakin beliau tidak akan mengetepikan suara kelompok penyokong Nik Aziz, terutama dalam soal mengambil alih jawatan Menteri Besar," katanya.

Pas kini lantang menyebut Umno sudah ketandusan isu, justeru mengulangi desakan Nik Abdul Aziz meletak jawatan. Malah, Pas menganggap Umno Kelantan ibarat memekakkan telinga terhadap ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (Emtek '98) di Tumpat pada 29 Mei lalu.

Antara lain, Dr Mahathir menegaskan pertukaran pemimpin tidak semestinya membawa kepada penyelesaian terhadap apa juga masalah yang dihadapi, termasuk pentadbiran. Ironinya, resolusi Konvensyen Umno Kelantan dibuat pada keesokannya.

Ketika Pas boleh dianggap selesa menguasai Kelantan, Umno negeri perlu mencari segenap peluang yang ada, terutamanya daripada kealpaan Pas, dalam usaha menzahirkan impian merampas Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Begitupun, Umno perlu berhati-hati agar tidak mempolitikkan isu yang tidak sewajarnya diletak dalam keadaan begitu, terutama masalah air yang diakui membebani semua pihak.

Kebelakangan ini, pemimpin Pas dengan yakin mencanang mampu memenangi beberapa kerusi daripada 17 yang kini berada dalam cengkaman Barisan Nasional (BN).

Sambil membayangkan isu kegawatan ekonomi sebagai antara punca yang boleh mengalihkan fahaman politik rakyat untuk menyokong kerajaan negeri, Pas mengakui sedia menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa tanpa perlu gusar berhubung persediaan.

Natijahnya, Umno harus berada tiga atau lima langkah di hadapan jika benar-benar serius ingin menamatkan era pemerintahan Pas sejak 1990 di Kelantan dan untuk itu, Umno perlu bersatu dalam erti kata sebenar.

Dalam erti kata lain, segala sisa perbalahan atau rasa kurang senang yang timbul di kalangan ahli Umno berikutan larangan bertanding jawatan ketua bahagian pada pemilihan lalu, perlu dihentikan lantaran ia boleh menjejaskan persefahaman sesama sendiri.

Soal siapa berhak menjadi calon juga tidak sepatutnya ditimbulkan kerana ia boleh membawa kepada amalan berpuak-puak dalam parti dan keadaan itu hanya akan merugikan Umno.

Annuar dan rakan-rakan lain seperti Datuk Mustapa Mohamed, Zainal Abidin, Datuk Ibrahim Ali, Tengku Razaleigh Hamzah serta Datuk Mohd Rozali Isohak harus memastikan istilah `bekas ahli S46' tidak wujud lagi dalam usaha mendirikan Umno Kelantan yang mantap, terutama di peringkat akar umbi.

Di sebalik perbezaan ideologi Umno dan Pas, kedua-duanya mempunyai agenda serupa iaitu ingin memerintah Kelantan dengan cara tersendiri - Umno menerusi tekad membawa perubahan manakala Pas menjadikan Islam sebagai landasan perjuangan.

Berteraskan hakikat itu, Pas dan Umno harus membuktikan `survival` siapakah yang lebih berhak bertapak di Kelantan serta pendekatan manakah yang paling mendapat tempat di hati rakyat ketika dunia bersedia melangkah ke alaf baru.

(END)